Norhardi Bin Saad

From: Jabatan Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, 28 May, 2024 2:59 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PZW UUM DAN PRODUCTS2U (P2U) KE ARAH LAHIRKAN ASNAF USAHAWAN SOSIAL DIGITAL

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

Your Reliab
DIGITAL INFORMAT

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT M

28 MEI 2024 / 19 ZULKAEDAH 1445H
==========

Oleh: Dr. Mohamad Zulkurnai Ghazali
Gambar oleh: PZW UUM

PZW UUM DAN PRODUCTS2U (P2U) KE ARAH LAHIRKAN ASNAF USAHAWAN SOSIAL DIGITAL



UUM ONLINE: Pusat Zakat dan Wakaf Universiti Utara Malaysia (PZW UUM) telah menggerakkan inisiatif bagi melahirkan usahawan sosial digital dalam kalangan pelajar asnaf di UUM.

Bagi mencapai objektif ini, PZW UUM telah mengadakan kerjasama strategik bersama syarikat penyedia platfom perniagaan dalam talian, Products2U (P2U) yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Muhamad Farhan Khairol Anuar.

Beliau hadir bersama-sama pasukannya dari Kuala Lumpur bagi memberikan tunjuk ajar dan perkongsian bagaimana untuk memulakan perniagaan dalam talian. Pasukan tenaga muda dan energetik P2U ini cukup terlatih dalam membantu pelajar-pelajar yang hadir untuk mendaftar dan terus memulakan menjalankan perniagaan dalam talian secara langsung.

Pengarah PZW UUM, Prof. Dr. Rosylin Mohd Yusof berkata, program bagi melahirkan usahawan sosial digital ini adalah bertujuan untuk memberikan pelajar asnaf yang menyertai program ini peluang untuk mengubah dari keadaan ekonomi semasa mereka kepada keadaan yang mampu menjana pendapatan sendiri dan seterusnya menjadi muzaki pula dengan kejayaan perniagaan mereka nanti.



Menurutnya, seramai 50 pelajar asnaf yang terpilih telah didanai modal permulaan sebanyak RM300 seorang bagi membolehkan mereka terus menjalankan perniagaan dalam talian dan ianya mampu memperolehi keuntungan yang tinggi jika mereka berdisiplin serta pandai mengurus masa dengan baik tanpa menjejaskan pengajian masing-masing.

Katanya, peserta juga bukan sekadar diberikan tunjuk ajar untuk berniaga, malahan sesi perkongsian dan latihan itu telah turut didedahkan berkaitan rahsia untuk menjadi usahawan berjaya menerusi produk haruman Sugar Bomb oleh Kanumbu Agussalim, manakala tatacara berniaga melalui platfom TikTok juga telah dikongsikan oleh Pengurus Tiktok P2U, Nur Syazwani Baharing yang berjaya menghasilkan jualan lumayan melalui sesi *live* dengan hanya menggunakan suara tanpa perlu menampakkan wajah.

Dr. Rosylin dan PZW UUM turut berterima kasih kepada rakan-rakan strategiknya iaitu Jabatan Strategik Dan Pembangunan Perniagaan (BSD) yang dihadiri oleh Pengarahnya, Dr. Afiruddin Tapa; Majlis Profesor UUM (MPUUM) yang dihadiri oleh Prof. Dr. Abdul Halim Abdul Majid, Prof. Dr. Samihah Khalil dan Prof. Dr. Fuziah Shaffie serta pensyarah-pensyarah dari SBM dan TISSA-UUM sebagai mentor untuk memantau kemajuan peserta program ini.

Kesemua mentor dalam kalangan pensyarah telah menawarkan diri tanpa mengenakan sebarang bayaran untuk membantu pelajar asnaf ini. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh kesemua yang hadir telah menjadi pemangkin bagi PZW UUM untuk terus melakar pelbagai program lagi ke arah transformasi pelajar asnaf kepada muzaki. Pelaksanaan program ini sekaligus membolehkan pencapaian SDG 1, 2, 3, 4, 8 dan 17.



Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Products2U, Muhamad Farhan Khairol menjelaskan mereka turut hadir tanpa mengenakan sebarang bayaran kepada UUM sebaliknya menganggap ianya adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat P2U dalam membantu khususnya pelajar asnaf untuk mengembangkan potensi diri mereka dalam menceburi alam perniagaan ketika masih berada di universiti.

Menurutnya, di dalam keadaan dunia luar pasca pengajian pendidikan tinggi, persaingan untuk mendapatkan pekerjaan adalah begitu kompetitif dan graduan tidak perlu hanya mengharapkan makan gaji semata-mata sebaliknya perlu menyediakan perancangan sumber pendapatan sampingan yang boleh menjadi sumber pendapatan utama pula melalui kesungguhan mereka sendiri untuk berjaya.

UUM Official uum.edu.my Universiti Utara Malaysia (Official FB) uumofficial
UUM TODAY UUM Today UUMToday UUMtoday
Contact Us: ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.